



UNITED NATIONS
MALAYSIA, SINGAPORE,
BRUNEI DARUSSALAM



LAPORAN PENCAPAIAN NEGARA PBB

MALAYSIA 2023

Sokongan terhadap Hala Tuju
Malaysia ke arah Kemampanan
dan Keterangkuman pada
Waktu Pergolakan



02

Prakata

04

Kenali Pasukan PBB di Malaysia

06Bab 1
Malaysia pada 2023**09**Bab 2
Pencapaian pada 2023**2.1 Pencapaian Utama di Malaysia****Pencapaian Utama 1**Manusia: Membantu meningkatkan ketahanan golongan rentan
11-14**Pencapaian Utama 2**Manusia: Membantu mengukuhkan Sistem Kesihatan
15-18**Pencapaian Utama 3**Kemakmuran: Menjuarai Ekonomi Saksama
19-22**Pencapaian Utama 4**Keamanan: Menggalakkan keamanan dan masyarakat yang adil
23-26**Pencapaian Utama 5**Planet: Membina Penyelesaian Mampan
27-31**2.2 Inisiatif di Singapura dan Brunei Darussalam/ 32****33**Bab 3
Memberikan sokongan operasi dan memudahkan penyampaian bantuan di seluruh dunia**35**Bab 4
Menggerakkan sumber untuk Malaysia

- 4.1 Gambaran Keseluruhan/ 35
- 4.2 Rakan Kongsi Penyumbang Teratas/ 36
- 4.3 Rakan Kongsi Pelaksana/ 37
- 4.4 Menjajarkan Sumber ke arah SDG/ 38
- 4.5 Siap Sedia melalui Dana Amanah SDG Malaysia-PBB/38

39Bab 5
Keutamaan pada 2024**42**

Akronim

Prakata



KARIMA EL KORRI
Penyelaras Residen PBB

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura & Brunei Darussalam

Di bawah pimpinan Kerajaan Perpaduan, Malaysia terus menunjukkan ketahanan ekonomi yang luar biasa dan kematangan politik dalam usahanya mencapai status negara berpendapatan tinggi. Usaha bersungguh-sungguh ini mencerminkan komitmen negara terhadap pertumbuhan mampan dan menegaskan keupayaannya untuk menghadapi cabaran yang kompleks sambil memupuk kestabilan dan keterangkuman.

Sungguh pun begitu, cabaran tetap ada dalam usaha untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan memastikan tiada wilayah, komuniti, kumpulan, atau individu yang dibiarkan terpinggir. Halangan ini meliputi aspek ekonomi, sosial dan tadbir urus, serta merangkumi tiga set isu: cabaran terakhir dalam menyampaikan peranan perkhidmatan awam dan peraturan standard tertinggi; menangani ketaksamaan dan kerentanan yang berakar umbi; serta menangani ancaman kewujudan perubahan iklim dan kehilangan biokepelbagaian. Laporan ini menyoroti pencapaian utama daripada pemrograman dan advokasi sistem PBB pada tahun 2023 berbanding keseluruhan sumbangan yang telah diberikan badan dunia ini.

Dengan beroperasi di bawah Rangka Kerjasama Pembangunan Mampan PBB 2021-2025 (CF) dan berpandukan maklumat yang tersedia di laman web kami melalui platform UN INFO, laporan ini mencerminkan dinamisme tahun 2023. Selaras dengan pembaharuan sistem pembangunan PBB, Pasukan Negara PBB (UNCT) terus menyampaikan hasil yang ketara, di bawah kepimpinan dan koordinasi Penyelaras Residen.

UNCT tetap berpegang teguh pada komitmennya untuk tidak membiarkan sesiapa tercicir. Tumpuan PBB merangkumi semua penduduk di Malaysia, terutamanya



Bersama-sama, kita berharap untuk mencapai keterangkuman sosioekonomi yang lebih besar, persekitaran yang mampan, dan keharmonian sosial yang lebih kukuh

kumpulan yang berisiko tercicir seperti migran dan pelarian, orang tanpa kewarganegaraan, pencari suaka, penghidap HIV dan AIDS, kanak-kanak, orang kurang upaya, masyarakat asli, dan populasi tanpa dokumen. Laporan ini mendokumentasikan pelbagai bantuan campur tangan PBB yang bertujuan meningkatkan akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan penting sambil mengarusperdanakan kesaksamaan jantina dan pemerkaasan wanita.

Sebagai tindak balas kepada tenaga kerja Malaysia yang semakin berkembang, UNCT, dengan kerjasama pelbagai rakan kongsinya, juga berusaha ke arah memupuk ekonomi yang adil dan terangkum yang dipandu oleh pendekatan hak asasi manusia terhadap pembangunan. Program tersebut termasuk meningkatkan kemahiran usahawan wanita, memerangi penggunaan buruh paksa dan buruh kanak-kanak dalam industri kelapa sawit, memperluas perlindungan sosial, serta memastikan belia mendapat akses kepada pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

Di tengah-tengah krisis planet yang semakin meruncing, PBB tetap komited untuk membantu Kerajaan dalam melindungi biokepelbagaian Malaysia yang melimpah, melindungi alam sekitar dan melawan perubahan iklim. Usaha kami merangkumi bantuan dalam pewartaan tanah negeri dan menyokong pengurangan bahan perosak ozon. Kami menyokong dan memuji komitmen Malaysia untuk menghentikan penebangan hutan menjelang 2030, sebagaimana yang diumumkan semasa COP28, dan aspirasi untuk mencapai sifar bersih menjelang 2050.

PBB terus berpegang teguh pada komitmennya kepada Kerajaan dan masyarakat sivil dengan aktif mencari peluang baharu untuk mempercepat kemajuan SDG melalui pengukuhan sistem dan institusi. Kami turut mengalu-alukan pendekatan positif Kerajaan kepada perkara hak asasi manusia ketika Malaysia memasuki kitaran Penilaian Berkala Sejagat (Universal Periodic Review, UPR) keempat pada tahun 2024.

Bersama-sama, kami berharap untuk mencapai keterangkuman sosioekonomi yang lebih besar, persekitaran yang mampan, dan keharmonian sosial yang lebih kukuh.



Agensi Residen



Agensi Bukan Residen



Pusat Global dan Serantau



Kenali Pasukan PBB di Malaysia



KARIMA EL KORRI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU Penyelaras Residen	NILOY BANERJEE UNDP Wakil Residen	ROBERT GASS UNICEF Wakil	DR. RABINDRA ABEYASINGHE WHO Wakil	THOMAS ALBRECHT UNHCR Wakil
--	--	---------------------------------------	---	--



ASA TORKELSSON UNFPA Wakil	KENDRA RINAS IOM Ketua Misi	RAJAT KHOSLA UNU Pegarah UNU-IIGH	PANNUDA BOONPALA ILO Timbalan Pegarah Serantau	JAIME MOLL DE ALBA UNIDO Pegarah
---	--	--	---	---



SRINIVASA POPURI UN-Habitat Ketua, Pejabat Program Bangkok	KAMALA ERNEST UNEP Pegawai Pengurusan Program	MAKI KATSUNO-HAYASHIKAWA UNESCO Pegarah	CYNTHIA VELIKO OHCHR Pegarah Serantau	ALIA EL-YASSIR UN Women Pegarah Serantau
---	--	--	--	---



BENEDIKT HOFMANN UNODC Timbalan Wakil Serantau	MARCO TOSCANO-RIVALTA UNDRR Ketua Pejabat Serantau	PATRICIA ONGPIN UNAIDS Pegarah Negara	SYLVIE BETEMPS ITC Ketua Asia-Pasifik	KISHORE BABU YERRABALLA ITU Wakil Kawasan Asia Tenggara
---	---	--	--	--



YANN KERVINIO WHO Pegarah Pusat Perkhidmatan Global	SUMALEE STERUP-HANSEN WFP UNHRD Ketua	SYLVAIN ST-PIERRE UNDP Pegarah Unit Perkhidmatan Perkongsian Global	JOAN SAWE UNU Pegarah Pentadbiran
--	--	--	--



Malaysia pada 2023

Populasi



33.7 juta

Umur 14 tahun dan ke bawah



7.6 juta

Umur 15 hingga 64 tahun



23.6 juta

Umur 65 tahun dan ke atas



22.5 juta

Kadar Pengangguran



3.3%


Tahap Kemiskinan (pada 2022)

6.2%

Indeks CPI antara

2.5-3%

Pertumbuhan KDNK 3.7%



Pendapatan Negara Kasar per kapita USD 12,100

Susulan Pilihan Raya Umum ke-15 yang diadakan pada November 2022, Malaysia berada pada saat yang sangat penting. Di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan di bawah panji Malaysia Madani, Kerajaan diberi tugas untuk mengemudi negara ke arah kestabilan politik, kemakmuran ekonomi, perpaduan sosial dan kelestarian alam sekitar.

Tugas awal yang penting adalah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (MTR 12 MP), yang menyampaikan pelan nasional yang lebih fokus dan diselaraskan. Langkah ini mencerminkan visi sosioekonomi Kerajaan yang ditetapkan dalam Ekonomi Madani, yang menekankan misi dan kepentingan pelaksanaan dasar untuk membina Malaysia yang lebih baik untuk semua – dengan usaha *Menaikkan aras siling* (Meningkatkan pendapatan) melalui langkah mempercepatkan pertumbuhan dan pembangunan serta *Menaikkan aras lantai* (Meningkatkan taraf hidup) melalui langkah memastikan ekuiti dan kualiti hidup yang lebih baik.

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT Bersama-sama Membina Malaysia yang Lebih Baik



Malaysia berpegang pada Nilai MADANI

[Kemampanan, Penjagaan & Belas Kasihan, Hormat, Inovasi, Kemakmuran & Kepercayaan]


Memastikan asas etika dalam mengejar kemajuan, pembaharuan institusi dan perpaduan masyarakat

Malaysia terus maju ke arah status Negara Berpendapatan Tinggi (HIC), dengan anggaran Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak USD12,100, sekitar 12 peratus di bawah nilai ambang HIC semasa. Pada tahun 2023, pertumbuhan KDNK Malaysia merosot kepada 3.7 peratus, iaitu di bawah unjuran awal sebanyak 4.0 peratus dan jauh di bawah 8.7 peratus yang luar biasa pada tahun 2022. Prestasi yang perlahan ini mencerminkan permintaan global yang lebih lemah, yang khususnya memberi kesan kepada eksport pembuatan. Unjuran untuk tahun 2024 menunjukkan pertumbuhan kembali kepada tahap trend sekitar 4.5% setahun.

Meskipun berdepan dengan cabaran ekonomi, kadar pengangguran terus menurun, sehingga mencapai tahap sebelum Covid (3.3%) pada Disember 2023, berbanding 3.6% pada tahun sebelumnya. Pasaran buruh yang lebih ketat memberi kesan positif kepada isi rumah dan menunjukkan pemulihan yang berterusan. Hal ini disorot oleh data kemiskinan yang dilaporkan pada tahun 2023, yang menunjukkan nisbah bilangan pekerja menurun dari 8.4% (pada tahun 2020) kepada 6.2% (pada tahun 2022). Namun begitu, terdapat variasi di peringkat negeri, dan kemiskinan masih melebihi tahap yang dicatatkan sebelum pandemik (5.6% pada tahun 2019).



¹Bank Dunia, Macro Poverty Outlook for Malaysia, 2022



Isi rumah di Malaysia menghadapi tekanan kos sara hidup yang berterusan sepanjang tahun 2023, dan walaupun Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index, CPI) kekal antara 2.5 dan 3.0%, kos barangan asas, terutamanya makanan, meningkat dengan lebih cepat. Faktor utama tetap terletak pada gangguan rantaian bekalan global yang dikaitkan dengan konflik di Ukraine, namun Ringgit yang lemah turut memainkan peranan. Walaupun kesan penuhnya diimbangi oleh sistem subsidi dan kawalan harga yang meluas di Malaysia, isi rumah berpendapatan rendah tetap terjejas dengan perbandingan yang tidak seimbang.

Seperti yang dinyatakan di atas, langkah-langkah untuk meningkatkan pertumbuhan jangka pendek dan jangka panjang serta mengurangkan ketaksaksamaan diberi keutamaan selaras dengan rangka kerja Ekonomi Madani. Kerajaan menetapkan kadar gaji minimum RM1,500 untuk majikan yang mempunyai pekerja kurang daripada lima orang. Kerajaan mengekalkan program bantuan tunai yang telah lama berjalan, walaupun di bawah nama baharu, dan menyasarkan semula isi rumah yang tergolong dalam kelompok 40% paling bawah berdasarkan pengagihan pendapatan (B40). Gaji sektor awam turut dinaikkan, disertai dengan pelaburan yang lebih besar dalam infrastruktur.

Kerajaan juga mengambil langkah ketara dengan menghapuskan kawalan harga ayam dan telur, sekali gus membenarkan pasaran beroperasi dengan lebih bebas. Komitmen untuk rasionalisasi subsidi jangka panjang dan peningkatan kecekapan dibuktikan melalui pengumuman tentang usaha untuk menubuhkan pangkalan data berpusat, iaitu Pangkalan Data Utama (PADU), yang dirancang untuk awal tahun 2024.

Cadangan belanjawan dibuat secara khusus yang bertujuan untuk mengembangkan asas cukai, iaitu satu kekangan struktur yang telah lama wujud. Perubahan termasuk pengenalan Cukai Barangan Mewah dan duti eksais ke atas rokok elektronik dan produk vape. Kadar cukai pendapatan pekerja bagi kelompok 20% teratas meningkat, sementara kadar untuk kelompok 40% pertengahan dan 40% terbawah dikurangkan. Cukai Keuntungan Modal juga dijangka akan diperkenalkan.

Kerentanan Malaysia terhadap perubahan iklim menjadi lebih ketara semasa gelombang haba pada pertengahan tahun 2023. Walaupun kematian dan kecederaan serius akibat banjir pada tahap minimum, penduduk di beberapa negeri mengalami kerugian dan kerosakan besar dan masih berisiko kehilangan tempat tinggal. Hasrat Kerajaan untuk mencapai keadaan neutral karbon menjelang tahun 2050, yang ditegaskan semula di COP28, dan penubuhan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara pada tahun 2023 menunjukkan pengiktirafan bahawa perubahan iklim adalah satu isu kritikal. Pelancaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara pada Ogos 2023 terus menekankan usaha mencapai kelayakan hijau Kerajaan.



Pencapaian
pada 2023

Pencapaian Utama di Malaysia

2.1

PENCAPAIAN UTAMA 1 MANUSIA

Membantu meningkatkan daya tahan golongan rentan

Satu aspek menonjol dalam kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Malaysia ialah komitmen untuk memastikan keselamatan, keamanan, dan akses kepada perkhidmatan asas bagi pelarian, pencari suaka, dan migran. Golongan terencil ini sering mempunyai keperluan khusus seperti yang ditakrifkan oleh piawaian hak asasi manusia. Mereka juga adalah penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, dengan jumlah jutaan bekerja secara aktif dan memainkan peranan sangat penting dalam menyampaikan urusan barangan dan perkhidmatan. Namun, mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran. Pada tahun 2023, UNCT meningkatkan usahanya dalam menyokong kumpulan rentan ini, yang membolehkan akses kepada perkhidmatan asas, menyediakan sokongan undang-undang dan, dalam kes pelarian dan, jika berkenaan, memudahkan penempatan semula mereka. Graf di bawah menggambarkan secara visual inisiatif berdedikasi UNCT untuk kumpulan rentan ini sepanjang tahun 2023.



UNHCR
The UN Refugee Agency

Entiti PBB yang Menyumbang

Daripada pengusiran kepada penempatan semula

Membawa jaminan keselamatan kepada pelarian



64,232

▶ individu yang berdaftar telah memperbaharui/ mengemas kini dokumen mereka

11,578

▶ pelarian telah dinilai dan diproses untuk pertimbangan penempatan semula

15,222

▶ individu yang layak dikenal pasti, didaftarkan dan diberikan dokumen

364

▶ individu dimaklumkan tentang syarat-syarat keupulangan dan rancangan keupulangan secara sukarela

8,128

▶ pelarian ditempatkan semula ke negara ketiga (>70% berasal dari Myanmar)

Dari krisis ke bilik darjah

Memastikan akses pendidikan untuk kanak-kanak pelarian



Memastikan kumpulan rentan mendapat maklumat secukupnya

Meningkatkan kesedaran tentang hak undang-undang dan memastikan akses kepada keadilan

▶ **9,148**

individu menerima maklumat tentang aktiviti perlindungan dan bantuan

▶ **298**

Campur tangan untuk 298 individu yang terlibat dalam kes mahkamah

▶ **622**

individu dibebaskan daripada tahanan

Menyediakan sokongan di kawasan terpinggir

Mencegah risiko keganasan berasaskan jantina dan menyediakan penjagaan kesihatan kepada pelarian dan pencari suaka



25,616

▶ konsultasi kesihatan diberikan kepada 11,275 pelarian dan pencari suaka melalui klinik penjagaan primer



183

▶ individu yang hidup dengan HIV dipantau untuk memastikan kepatuhan kepada Terapi Antiretroviral Aktif dan dibantu dengan penjagaan yang diperlukan



849

▶ individu mendapat manfaat daripada sokongan kesihatan reproduktif (SRH)



155

▶ individu yang berisiko mengalami keganasan berasaskan jantina (GBV) dan yang terselamat mendapat manfaat daripada tempat perlindungan kecemasan, 652 menerima sokongan psikososial



849

▶ wanita dan gadis terlibat dalam aktiviti pemberdayaan bersasar dan program pencegahan

Merapatkan jurang

Pembinaan kapasiti dan perkongsian pengetahuan dengan individu berpengaruh



299

Melalui lapan acara/mesyuarat/bengkel berasingan, 299 pegawai tinggi kerajaan, komuniti diplomatik dan pegawai penggubal dasar, termasuk tujuh ahli parlimen, ahli dewan undangan negeri dan pemimpin tinggi parti terlibat dalam memperkukuh undang-undang dan dasar perlindungan pelarian.



Memastikan pekerja wanita migran dimaklumkan tentang hak-hak mereka

Projek Safe and Fair: Merealisasikan Hak dan Peluang Pekerja Wanita Migran di rantau ASEAN mencapai kejayaan penting melalui pendekatan menyeluruh. Projek ini melatih 700 peserta dari pelbagai sektor tentang migrasi selamat, pencegahan keganasan, keselamatan sosial dan kerja yang bermaruah. Pencapaian utama adalah penyediaan bantuan undang-undang berkualiti tinggi kepada 213 pekerja migran, termasuk 199 wanita. Perkhidmatan jangkauan dan sokongan juga disampaikan kepada 41,992 pekerja migran, termasuk 5,793 wanita. Projek ini juga menghasilkan produk pengetahuan seperti garis panduan tentang keganasan dan gangguan, templat dasar syarikat tentang diskriminasi, dan penerapan pengaturan kerja fleksibel.

Mengajar kemahiran TVET kepada golongan wanita dan belia

Bagi mempromosikan latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), UNCT melaksanakan program Skills for Prosperity yang disasarkan kepada golongan wanita dan belia. Intervensi ini meningkatkan kemahiran 42 pelatih, termasuk tujuh wanita, melalui program perantisan yang dipimpin industri. Secara khusus, program perintis Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu (RPL) untuk sektor pembinaan dan pemprosesan makanan memberi manfaat kepada 51 peserta. Intervensi ini juga menerapkan kemahiran pengurusan perniagaan dan digital kepada 50 penerima manfaat dengan kerjasama Pusat Kemahiran & Teknologi Sabah, yang menyumbang kepada 28 peserta mendapat pekerjaan tetap menjelang Jun 2023.

Inisiatif lain termasuk seminar perkongsian pengetahuan dengan 133 peserta dari pihak kerajaan, industri dan TVET. Langkah ini membolehkan pembentukan pakatan untuk Arus Perdana Kesetaraan Gender dan Keterangkuman Sosial, mengenal pasti penyelesaian praktikal dan melancarkan "Seruan Inovasi Cabaran Kemahiran Malaysia yang Pertama (1st Malaysia Skills Challenge Innovation Call)" yang menghasilkan 13 cadangan. Usaha ini termasuk penganjuran enam mesyuarat rangkaian TVET, penyebaran rangka kerja kemahiran digital antarabangsa dan pembangunan hala tuju bakat digital dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia. Perkara ini disahkan pada Ogos 2023 dan akan menyampaikan Pelan Strategik Kementerian.



Program Skills for Prosperity meningkatkan kemahiran 42 pelatih, termasuk tujuh wanita, melalui perantisan yang dipimpin oleh industri. © ILO Malaysia



SDG
UTAMA YANG
BERKAITAN

PENCAPAIAN UTAMA 2 MANUSIA

Membantu Mengukuhkan Sistem Kesihatan

Ke arah transformasi sistem penjagaan kesihatan Malaysia

Sistem penjagaan kesihatan Malaysia, meskipun sangat dipercayai di peringkat global, bergelut dengan pelbagai bentuk cabaran, seperti yang disorot dalam Kertas Putih Kesihatan yang dibentangkan di Parlimen pada Jun 2023. Dengan kerjasama rapat Kementerian Kesihatan, UNCT aktif menyumbang kepada peningkatan sistem penjagaan kesihatan dengan melatih dan membina kapasiti pegawai kesihatan awam, mendapatkan peralatan kesihatan dan kit ujian, serta menjalankan kempen komunikasi kesihatan awam.

Pada tahun 2023, UNCT membantu enam hospital dan makmal awam untuk mendapatkan mesin GeneXpert bagi ujian tuberkulosis.

Bagi menangani jurang yang masih wujud dalam imunisasi COVID-19, UNCT memudahkan pemerolehan peralatan IT untuk pengurusan maklumat di negeri-negeri dengan liputan penggalak yang rendah, mengutamakan pekerja penjagaan kesihatan dan warga emas di tujuh negeri, termasuk Sabah dan Sarawak. Di samping itu, 1,100 kit ujian Hepatitis C dan 1,500 kit ujian Hepatitis B telah didermakan bagi tujuan program kesihatan untuk pelarian.

Menyadari peningkatan penyakit berjangkit, UNCT melancarkan kempen komunikasi perubahan tingkah laku. Usaha ini termasuk menyokong pelibatan industri untuk formulasi semula produk, melaksanakan pelabelan depan-paket dan meneroka kerjasama dengan pengendali aplikasi penghantaran makanan untuk mempromosikan pilihan makanan yang lebih sihat dan meningkatkan status nutrisi orang dewasa dan kanak-kanak.

UNCT melaksanakan program pembinaan kapasiti yang lebih menyeluruh, termasuk sesi latihan untuk pegawai kesihatan. Program ini memberi tumpuan kepada penerapan Model Lawa selepas tercetusnya wabak zoonosis, pembangunan menyeluruh Garis Panduan Komunikasi Risiko untuk Kecemasan Kesihatan Awam, serta pelaksanaan penjujukan genom virus. Inisiatif ini mencerminkan komitmen UNCT untuk memperkukuh daya tahan penjagaan kesihatan dan keupayaan respons Malaysia.

Entiti PBB yang Menyumbang



© UNFPA Malaysia

Menangani peningkatan kadar jangkitan HIV

Pada tahun 2023, Pasukan Bersama UNCT mengenai HIV memberikan sokongan besar kepada Kerajaan dalam memastikan pembiayaan yang mampan dan memperluaskan perkhidmatan HIV, dengan memberi tumpuan kepada pencegahan penularan daripada ibu kepada anak (PMTCT) serta mencapai komuniti yang sukar dicapai dan sering diketepikan.

NGO menerima sokongan daripada UNCT untuk pematuhan rawatan, penjagaan pemulihan dan kejururawatan, serta perkhidmatan kesihatan reproduktif untuk wanita dan kanak-kanak perempuan yang sukar dicapai. Sokongan teknikal kepada Kementerian Kesihatan menyebabkan pengenalpastian akan keperluan untuk memperkukuh kapasiti makmal dan advokasi yang menyebabkan peralihan kepada rawatan berasaskan komuniti secara sukarela untuk pengguna dadah.

UNCT menyediakan sokongan teknikal untuk rawatan berasaskan komuniti, pengurangan bahaya, perkhidmatan HIV yang komprehensif di penjara, dan pembangunan kes pelaburan untuk inisiatif ini. Perkara ini merangkumi advokasi untuk rawatan antiretroviral yang terbaik kepada golongan yang hidup dengan HIV.

Bekerjasama dengan kumpulan utama yang terjejas, serta berkolaborasi dengan Mekanisme Penyelarasan Negara Malaysia dan Majlis AIDS Malaysia, UNCT memudahkan kejayaan bidaan kepada Dana Global untuk HIV bagi 2022-2025, sekali gus memperoleh lebih daripada USD1.5 juta untuk pembelian ubat yang mencegah jangkitan HIV (profilaksis pra-pendedahan atau PrEP). Perkhidmatan ini disediakan melalui 31 klinik penjagaan primer di seluruh negara sehingga Disember 2023. Tambahan USD1 juta telah diperuntukkan untuk memperkukuh program yang diketuai oleh komuniti serta sistem maklumat pengurusan kesihatan.

Pelaksanaan PrEPGov2023 dan model penyampaian perkhidmatan PrEP berasaskan farmasi menandakan langkah penting dalam menangani wabak HIV yang semakin meningkat, memastikan ketersediaan dan maklumkan dasar nasional tentang penyediaan PrEP di Malaysia. Projek ini turut menerokai model penyampaian perkhidmatan PrEP yang baharu, termasuk melatih pengamal di sebanyak 16 farmasi komuniti.

Membenters perkahwinan kanak-kanak dan mempromosikan pelaburan dalam kesihatan reproduktif seksual

Bagi membenters perkahwinan kanak-kanak, UNCT memperluaskan sokongan teknikal kepada organisasi yang dipimpin oleh wanita dan remaja perempuan seperti Pakatan

#SchoolsNotSpouses. UNCT terus memberikan sokongan kepada Kerajaan dalam pelaksanaan Pelan Strategik Nasional untuk menangani perkahwinan kanak-kanak, dan aktif terlibat dalam semakan pertengahan penggal. Paling ketara, wawancara Its About YOUth di saluran berita tempatan telah mencapai tontonan 20,000-60,000 orang dan 1.8 juta pengguna media sosial.

UNCT menerbitkan laporan yang menekankan keperluan pelaburan dalam kesihatan seksual dan reproduktif (SRH) serta bagaimana pertumbuhan penduduk yang cepat dan kadar kesuburan yang rendah memperburuk cabaran populasi yang semakin tua dan memperdalam jurang ketaksamaan. Laporan Perubahan Demografi di Sabah yang dilancarkan pada tahun 2023 menekankan keperluan perubahan dasar yang mempromosikan tanggungjawab bersama ibu bapa, penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan usaha kerjasama untuk menangani isu seperti perkahwinan kanak-kanak, pendidikan dan kemahiran literasi.

Bagaimana perubahan tingkah laku memberi kesan kepada remaja

Dengan kerjasama Institut Penyelidikan Tingkah Laku Kesihatan (IHBR) dan Institut Penyelidikan Belia, UNCT melaksanakan kempen perubahan tingkah laku yang mencapai pelibatan 1,578 remaja. Kajian IHBR menumpukan kepada halangan terhadap tingkah laku mencari bantuan serta menyediakan intervensi berasaskan bukti kaya maklumat. Di samping itu, UNCT bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Kementerian Kesihatan untuk membangunkan modul perubahan tingkah laku kesihatan nasional. Modul ini dirangka untuk dimasukkan ke dalam program latihan pegawai kesihatan nasional, yang menyumbang kepada peningkatan kapasiti profesional penjagaan kesihatan untuk mempromosikan tingkah laku kesihatan positif dalam kalangan remaja.

Mengatasi halangan kesihatan melalui penyelesaian inovatif

UNCT turut menyokong projek RESPOND, yang menyatukan rakan kongsi dari institusi penyelidikan terkemuka di Malaysia, Filipina dan United Kingdom bagi menangani halangan sistemik dalam mengurus tekanan darah tinggi dengan berkesan. Dengan penekanan kepada pembangunan kapasiti tempatan dalam penyelidikan sistem kesihatan, RESPOND menggunakan teknologi mudah alih sumber terbuka yang inovatif untuk menangkap kandungan masa-nyata yang dihasilkan peserta, termasuk audio, teks dan video. Di barisan hadapan penyelidikan sistem kesihatan, pendekatan ini mengkaji pengalaman terperinci, tersirat, rumit dan menarik dalam interaksi dengan penyedia penjagaan kesihatan rasmi dan tidak rasmi, sekali gus meningkatkan kefahaman tentang cara mengawal tekanan darah tinggi.



Wakil WHO Malaysia berjalan ke arah Perkampungan Orang Asli bagi tujuan kempen Pemvaksinan Pneumococcal Polysaccharide (PPV) di Perkampungan Orang Asli Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan (Kuala Koh Orang Asli Vaccine Centre). © WHO Malaysia, Brunei Darussalam & Singapura

PENCAPAIAN UTAMA 3 KEMAKMURAN

Menjuarai Ekonomi Saksama





Meningkatkan kesedaran pegawai dan majikan serta memperkasa golongan yang terpinggir

Kempen Advoc8 On The Road melibatkan pihak berkepentingan melalui platform media sosial, mencapai jangkauan yang ketara dengan 63,756 audiens media sosial, termasuk 16,539 paparan (di Twitter). Projek ini menangani isu migrasi buruh wanita, membantu mangsa pemerdagangan manusia dan menekankan kepentingan pelibatan belia dalam isu sosial.

Dalam projek dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO), kajian kebolehlaksanaan tentang langkah-langkah dasar untuk menyokong tenaga kerja tempatan menyertai pekerjaan formal telah dijalankan. Kajian tersebut merangkumi tinjauan menyeluruh akan trend ekonomi dan pasaran buruh. Maklumat ini penting dalam membangunkan laporan yang dibentangkan dalam dialog pihak berkepentingan negara, memberikan pandangan dasar dan menangani ketidakseimbangan dalam pasaran buruh Malaysia.

Bagi menyokong pembaharuan undang-undang buruh dan industri, UNCT menyumbang kepada peningkatan kepatuhan Malaysia terhadap norma buruh antarabangsa. Lebih daripada 350 penjawat awam dan lebih daripada 400 kakitangan berkaitan industri telah dilengkapi pengetahuan yang diperlukan tentang standard buruh antarabangsa ILO melalui kursus latihan.

UNCT menerbitkan kajian tentang peluang kerja yang baik dan cabaran dalam rantai bekalan sarung tangan getah tempatan. Penerbitan dan penyebaran panduan praktikal untuk majikan telah membantu dalam menangani, mencegah dan mengurangkan buruh paksa dalam industri getah.

UNCT bekerjasama dengan SaverAsia, sebuah perkhidmatan digital yang membantu pekerja migran membandingkan kos kiriman wang dan menguruskan kewangan, dengan itu meningkatkan literasi kewangan mereka. Dari Januari hingga September 2023, platform ini mencatatkan 72,848 sesi pengguna (kunjungan web, muat turun aplikasi mudah alih dan pengikut media sosial). Kalkulator kerja lebih masa, yang dicipta oleh Migrant Workers Empowerment and Advocacy, sebuah organisasi yang ditaja oleh UNCT, terus popular dengan 50,492 sesi pengguna pada 2023, melebihi sasaran yang telah ditetapkan.

Melalui projek Memajukan Hak Pekerja dalam Sektor Minyak Sawit di Indonesia dan Malaysia, UNCT telah menggalakkan kerjasama berkesan dengan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC). Bengkel, sesi latihan dan webinar tentang pembasmian buruh paksa dan menggalakkan kebebasan berserikat telah dijalankan dengan jayanya, melibatkan 180 pekebun kecil ladang sawit di Negeri Sembilan dan Sabah, 420 majikan dan ahli kesatuan sekerja, 38 pegawai penguat kuasa dan 226 pekerja (103 daripadanya adalah wanita). Sokongan projek ini untuk bengkel peningkatan kesedaran bagi pekebun kecil sawit dan input teknikal dalam buku panduan telah mengukuhkan lagi impaknya terhadap hak pekerja dalam industri minyak sawit.

UNCT juga meningkatkan penilaian wajar hak asasi manusia dalam sektor minyak sawit dengan melatih 20 pihak berkepentingan tentang mekanisme kilan dan akses kepada remedi. Selain itu, 48 wakil dari agensi pengambilan pekerja Malaysia dan Indonesia telah menerima latihan tentang pengambilan pekerja migran yang beretika.



Pembentangan dua laporan Alat Pemodelan Makroekonomi (MMT) pada Hari MyStats 2023

Membina ekonomi yang berdaya tahan dan inklusif

UNCT telah memudahkan konsultasi di seluruh negara untuk memperbaiki indikator Indeks Kemiskinan Multidimensi Malaysia (MPI) yang telah disemak semula. Inisiatif Kemiskinan dan Pembangunan Manusia Oxford Global (OPHI) telah mengadakan bengkel latihan untuk pegawai dari Kementerian Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Metodologi MPI yang baharu dijangka akan diterima pakai pada tahun 2024.

Pada tahun 2023, Penilaian Dasar Nasional untuk Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (BHR) telah disiapkan dan dilancarkan pada persidangan BHR nasional dengan sokongan UNCT. Latihan tentang Hak Asasi Manusia dan Penilaian Wajar Alam Sekitar telah melibatkan 228 PKS dalam sektor elektronik dan elektrik. UNCT juga telah membantu membangunkan Peta Pelabur SDG, iaitu sumber dalam talian yang mengenal pasti peluang pelaburan selaras dengan SDG bagi menarik minat pelabur dan menawarkan kadar pulangan yang menarik. Dialog dasar telah dianjurkan untuk melancarkan alat tersebut dan menyedarkan pihak berkepentingan tentang potensi pelaburan yang belum diterokai selaras dengan SDG untuk membawa pertumbuhan ekonomi dan kemajuan pembangunan yang lebih meluas.

UNCT telah membangunkan alat pemodelan makroekonomi (MMT) dengan kerjasama DOSM dan menganjurkan bengkel yang menghimpunkan lebih daripada 40 pegawai kerajaan dan organisasi antarabangsa. Alat ini membolehkan pengguna menganalisis kesalinghubungan dan transaksi dalam ekonomi Malaysia. Ia membantu mengukur kesan berantai perubahan dalam satu sektor atau bidang dasar di seluruh ekonomi, menjadikannya alat yang berkuasa untuk perancangan, analisis dasar dan usaha membuat keputusan.



Pelancaran Peta Pelabur SDG © UNDP di Malaysia, Singapura & Brunei Darussalam

Meningkatkan kesedaran tentang pendidikan STEM dalam kalangan golongan berpendapatan rendah

Projek Young Futuremakers Malaysia banyak membantu dalam mempromosikan kemajuan kerjaya wanita muda melalui peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), khususnya kemahiran digital, serta menyediakan perkhidmatan pekerjaan. Kempen bersemuka projek ini di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah membantu meningkatkan kesedaran dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah. Menggunakan platform dalam talian, kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran dan seorang pengengaruh media sosial telah menarik banyak pelibatan, dengan satu video mencapai lebih 80,000 penonton dan 8,000 pelibatan pada tayangan perdana. Projek ini memulakan Saluran Telegram untuk pelibatan berterusan dan mengadakan tiga sesi dalam talian dengan wakil kerajaan, universiti dan pengengaruh industri. Projek ini melantik penyedia latihan bertauliah untuk menyediakan latihan kemahiran teknikal dan digital kepada 300 pelatih TVET dan 300 pekerja muda dalam sektor perkhidmatan makanan.



Projek Young Futuremakers Malaysia mengadakan kempen kesedaran di negeri Kedah untuk mempromosikan peningkatan kemahiran dan latihan semula STEM bagi wanita muda. © ILO Malaysia

PENCAPAIAN UTAMA 4 KEAMANAN

Menggalakkan
keamanan dan
masyarakat
yang adil

Entiti PBB yang Menyumbang



Mewujudkan sistem keadilan yang mesra kanak-kanak

Pada Mac 2023, usaha berterusan UNCT menghasilkan pindaan penting kepada Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak dan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak. Sebelum pindaan itu, UNCT menerbitkan Kajian Bahaya Gangguan 2022 tentang Eksploitasi dan Penderaan Seksual Kanak-kanak Dalam Talian.

UNCT aktif menjalankan inisiatif advokasi strategik untuk membantu Kerajaan membangunkan alternatif kepada penahanan imigresen. Inisiatif ini termasuk menjalankan kajian pemetaan menyeluruh tentang kanak-kanak dalam tahanan imigresen dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri. Pada masa yang sama, UNCT telah mengadakan dialog dasar dengan kerajaan, misi luar negara dan organisasi bukan kerajaan. Dialog ini memfokus kepada usaha memperkukuh titik persilangan hubungan antara mekanisme antipemerdagangan dan perlindungan kanak-kanak, dengan tujuan untuk memupuk sistem perlindungan kanak-kanak yang inklusif dan mengelakkan pendekatan yang terpisah dalam menangani pemerdagangan kanak-kanak.

Membina masyarakat yang aman dan memajukan hak asasi manusia

UNCT bekerjasama dalam tiga penerbitan tentang Pencegahan Ekstremisme Keganasan di samping mengadakan bengkel Pemantauan dan Penilaian untuk Ketahanan dengan Belia (MERCY) yang melibatkan 28 organisasi masyarakat sivil berasaskan belia. Program ini melibatkan 48 orang muda melalui Bengkel Belia Sukan untuk Meningkatkan Ketahanan dan Memperluas Inklusi Sosial (SERASI).

Kajian bertajuk Memahami Laluan kepada Kehamilan Remaja di Asia Tenggara dilancarkan pada Oktober 2023. Kajian ini menyiasat faktor pendorong kehamilan remaja berdasarkan temu bual dengan 45 gadis di Selangor, Kuala Lumpur dan Pahang. Kajian ini mengenal pasti laluan dan pendorong kehamilan remaja, kesan terhadap pendidikan dan pekerjaan gadis-gadis serta cabaran yang dihadapi oleh anak gadis dalam keluarga dan masyarakat. Usaha advokasi menekankan perlunya pendidikan seksualiti yang menyeluruh dan pendekatan yang disesuaikan untuk intervensi bagi merangka dasar dan program.

Pada bulan Jun, UNCT memperingati Ulang Tahun ke-30 Hari Kebebasan Akhbar Sedunia melalui forum yang dihadiri oleh kira-kira 200 peserta. Acara ini menampilkan panel bersama Menteri Komunikasi, yang menekankan komitmen kerajaan untuk melindungi kebebasan akhbar, menegaskan bahawa wartawan mestilah boleh membuat laporan tanpa apa-apa rasa takut atau berat sebelah. Acara ini juga menampilkan empat sesi tertutup pelbagai pihak berkepentingan dengan lebih 100 peserta berdebat menangani maklumat palsu dan ucapan kebencian, kebebasan media dan akauntabiliti untuk platform media sosial.

Sempena memperingati ulang tahun ke-75 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, UNCT menganjurkan Forum Hari Hak Asasi Manusia yang mengumpulkan lebih 500 peserta secara fizikal dan tambahan 300 peserta dalam talian. Forum ini berfungsi sebagai platform penting untuk Malaysia melakukan introspeksi tentang trajektori hak asasi manusianya dan meningkatkan wacana antara pelbagai pihak berkepentingan ketika Malaysia bersiap sedia memasuki kitaran Penilaian Berkala Sejagat (UPR) ke-4 pada Januari 2024.



ACT NOW



Menjangkau 12 juta orang di Malaysia untuk Bertindak Sekarang mengenai SDG.

Pada tahun 2023, UNCT mengetuai kempen global Act Now (Bertindak Sekarang) menjelang Perhimpunan Agung PBB ke-78 dan Sidang Kemuncak SDG global. UNCT bekerjasama dengan organisasi masyarakat sivil, kumpulan belia dan sektor swasta, dengan menggunakan aplikasi Act Now sebagai komponen utama. Melalui pendekatan tiga serampang yang termasuk perkongsian korporat yang berkesan, pameran di acara sebelum sidang SDG dan mesej dalam talian kepada pihak berkepentingan utama dan orang awam, kempen ini dianggarkan telah menjangkau lebih daripada 12 juta orang menjelang akhir 2023.



Peserta daripada Bengkel Belia Sukan untuk Meningkatkan Ketahanan dan Memperluas Inklusi Sosial (SERASI) © UNDP di Malaysia, Singapura & Brunei Darussalam



800 peserta menghadiri Forum Hari Hak Asasi Manusia sempena ulang tahun ke-75 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat



200 peserta menghadiri forum bagi memperingati Ulang Tahun ke-30 Hari Kebebasan Akhbar Sedunia yang dirasmikan oleh Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil.



Kajian Memahami Laluan kepada Kehamilan Remaja di Asia Tenggara © UNFPA Malaysia

PENCAPAIAN UTAMA **5** PLANET

Membina Penyelesaian Mampan



Projek Meningkatkan Kesambungan di Central Forest Spine telah membawa kepada pewartaan 32,783 hektar tanah negeri dengan status perlindungan di Johor, Pahang dan Perak. © UNDP di Malaysia, Singapura & Brunei Darussalam



Memajukan usaha pemuliharaan di Sarawak, melindungi hutan dan lapisan ozon

Bagi melindungi dan memelihara hutan hujan, paya, tanah gambut, dan gunung di negeri terbesar Malaysia, UNCT telah berjaya membangunkan dan menyerahkan Pelan Induk Biokepelbagaian Sarawak kepada kerajaan negeri Sarawak. Pelan menyeluruh ini bertindak sebagai rangka tindakan untuk pengurusan lestari biokepelbagaian yang kaya di negeri ini, yang mempunyai pelbagai jenis hidupan liar seperti orangutan Borneo, gajah kerdil, monyet belanda dan pelbagai spesies burung kenyalang. Bagi memastikan Pelan Induk ini dilaksanakan, UNCT turut menyediakan sokongan pelaksanaan awal kepada Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Sarawak, sekali gus membuka jalan untuk strategi pemuliharaan yang berkesan.

Penyempurnaan Projek Meningkatkan Kesambungan di Central Forest Spine selama 10 tahun adalah hasil usaha gigih kerajaan persekutuan dan negeri dengan sokongan UNCT yang bertujuan melindungi hutan di Semenanjung Malaysia. Inisiatif ini telah menyebabkan peningkatan sebanyak 26% kawasan hutan di Central Forest Spine, meningkat dari 5.3 kepada 6.71 juta hektar. Tindakan ini menyebabkan pewartaan 32,783 hektar tanah negeri dengan status perlindungan di Johor, Pahang dan Perak, di samping hektar tambahan sedang dalam proses untuk perlindungan lebih lanjut.

Sokongan UNCT tidak terhad kepada usaha pemuliharaan fizikal sahaja tetapi juga merangkumi penubuhan alat penting untuk pemuliharaan hidupan liar yang berkesan. Pembangunan rangka kerja penguatkuasaan jenayah hidupan liar bersepadu antara agensi, protokol pemantauan biokepelbagaian, dan pelan

pengurusan/pembiayaan landskap telah membolehkan kerajaan mengurus landskap hutan dengan lebih baik. UNCT memainkan peranan utama dalam memupuk perkongsian antara organisasi berasaskan komuniti dengan pihak berkepentingan, sekali gus memudahkan penyertaan dalam sektor pemuliharaan.

Pada tahun 2023, impak UNCT meluas kepada kelestarian alam sekitar pada skala global. Dengan kerjasama sektor pembuatan bahan pendingin dan busa, pengurangan sebanyak 186 tan Potensi Penipisan Ozon (ODP) dicapai, melebihi sasaran awal sebanyak 35%. Selain itu, UNCT menyediakan sokongan penukaran teknologi kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor busa dan penyejukan.

Komitmen UNCT kepada perlindungan alam sekitar lebih jelas melalui sokongannya kepada Unit Ozon Kebangsaan dan Jabatan Alam Sekitar melalui pembinaan kapasiti untuk menangani isu-isu berkaitan ozon, sekali gus memastikan Malaysia memenuhi kewajibannya di bawah Protokol Montreal.



Memperkasakan Belia untuk Tindakan Iklim dan Kesiapsiagaan Bencana

Youth Environment Living Labs (YELL), sebuah program bersama antara UNDP dan UNICEF, membiayai enam projek untuk menyokong penyertaan belia dalam tindakan iklim dan alam sekitar. Program ini menyediakan penempatan kerja untuk 10 belia di organisasi rakan kongsi rangkaian. Program ini menyediakan bantuan nasihat kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk projek di bawah program Keusahawanan Sosial untuk Belia Luar Bandar 2024. YELL turut membina jaringan rakan kongsi yang kuat, memudahkan dialog antara belia dengan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar, serta menganjurkan perundingan aspirasi belia Pra-COP dengan Kesatuan Eropah (EU). Hasil daripada dialog yang produktif dengan EU yang diatur oleh UN RCO, EU bersetuju untuk melabur sebanyak EU500,000 dalam tindakan iklim belia dari tahun 2024 hingga 2025.

Sejajar dengan itu, UNCT menekankan lagi pendidikan iklim dan pengurangan risiko bencana (DRR) di sekolah-sekolah. Melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, UNCT membina keupayaan guru, pegawai pendidikan negeri, dan pelajar dalam pendidikan DRR. Usaha ini memberi manfaat kepada 200 pelajar di pelbagai lokasi berisiko di seluruh Malaysia.

MyUNICEF Impact Challenge menghasilkan empat penyelesaian iklim inovatif, dengan memfokus kepada peningkatan literasi iklim dalam kalangan kanak-kanak dan kesiapsiagaan bencana. Projek Pemantauan Kualiti Udara di Sekolah, dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya di Selangor, memasang peranti pemantauan kualiti udara di 10 lokasi yang berfokuskan kanak-kanak, melibatkan 550 pelajar melalui program kesedaran, poster, rancangan pelajaran dan pembangunan portal AQUAMS.

Program Pemimpin Muda (Young Leaders' Programme, YLP) menyediakan 45 peserta berusia 15-24 tahun dengan taklimat mendalam mengenai hak kanak-kanak dan latihan penting dalam pembangunan cadangan, kemahiran advokasi dan metodologi penilaian. Peserta kemudian diberi peluang untuk mencadangkan inisiatif untuk belanjawan negara, yang mempengaruhi Pelan Tindakan Nasional mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, serta memberi pandangan dan nasihat tentang program dan advokasi yang lebih luas oleh UNICEF. YLP juga berjaya menjalankan projek komuniti selama enam bulan di Idaman, iaitu mengadakan bengkel rakan sebaya dalam komuniti berpendapatan rendah. Inisiatif ini melibatkan lapan NGO, menjangkau 586 belia dan menggalakkan pelibatan serta sokongan yang bermakna untuk matlamat mereka.



Pelajar SK Kundasang menyertai aktiviti pendidikan DRR untuk mendapatkan pengetahuan asas dan kemahiran untuk lebih bersedia menghadapi bencana. © UNICEF Malaysia

Mempromosikan Pembangunan Bandar Mampan, e-Mobiliti, dan pengurusan peralatan memancing yang mampan

Pada tahun 2023, projek pembangunan bandar mampan yang diketuai oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia untuk Teknologi Tinggi (MIGHT) dan UNCT mencapai peringkat akhir. Antara pencapaiannya ialah kerjasama dengan pihak berkepentingan dan pemilik sistem tenaga lestari di Melaka untuk menyampaikan sistem terkawal bagi pengurangan gas rumah kaca. Projek ini akan membolehkan pihak berkepentingan memantau penjaan tenaga lestari melalui sistem Pengurus Tenaga Berasaskan Virtual dalam Projek Grid Pintar pada tahun-tahun mendatang.

Pada masa yang sama, latihan pembinaan kapasiti sepanjang tahun 2023 telah meningkatkan pengetahuan penggubal dasar mengenai e-mobiliti, termasuk melalui latihan e-bas, forum serantau, dan bengkel. Projek perintis sedang dilaksanakan di Kuching, Sarawak untuk memperluas penggunaan bas elektrik berkuasa solar.

Perikanan memainkan peranan penting dalam menyara kehidupan kebanyakan komuniti pantai yang berpendapatan rendah. Namun, cabaran besar timbul apabila peralatan menangkap ikan sampai ke penghujung hayat operasinya, menyebabkan ia menjadi bahan buangan. Projek Combatting Ghost Gear in the East Asian Seas (COBSEA) menangani isu ini dengan mencegah, memulihkan, dan membolehkan pengurusan bertanggungjawab peralatan menangkap ikan yang terbengkalai, hilang, atau dibuang. Infrastruktur pengurusan buangan bagi peralatan menangkap ikan yang telah habis jangka hayat dipasang di pelabuhan Mersing, yang membolehkan kitar semula dengan kos efektif.



Projek ini bekerjasama dengan masyarakat tempatan dan melancarkan Kotak Alat COBSEA Ghost Gear sebagai panduan untuk pemulihan dan pengurusan terumbu karang yang selamat.

Inisiatif ASEAN Cool (AC) telah mencapai kemajuan besar dalam mempromosikan penyaman udara cekap tenaga di Singapura dan Malaysia. Bantuan teknikal mengenai piawaian prestasi tenaga minimum (MEPS) dan label telah disediakan, dengan kedua-dua negara bersedia untuk memimpin dalam pelaksanaan tahap Fasa II Serantau yang lebih cekap tenaga, terutama dalam pengumpulan data, sokongan kepada kerajaan tentang pelibatan pihak berkepentingan dan inisiatif meningkatkan kesedaran dengan pengilang, pembekal, dan kumpulan pengguna PKS tempatan. Inisiatif ini menyokong pengumpulan data, pelibatan pihak berkepentingan dan kempen kesedaran yang selaras dengan Hala Tuju Dasar Serantau ASEAN.

Projek Mengurangkan Sampah Laut dengan Menangani Pengurusan Rantaian Nilai Plastik di Asia Tenggara telah melancarkan dek sumber yang mengumpulkan produk pengetahuan dan penyelesaian untuk menangani pencemaran plastik di rantau ini. Sesi pengetahuan teknikal untuk membina kapasiti teknikal dan membolehkan pembelajaran sesama rakan sebaya telah diadakan sebelum sesi ketiga Jawatankuasa Rundingan Antara Kerajaan (INC) untuk Instrumen Antarabangsa yang Mengikat Secara Undang-Undang mengenai Pencemaran Plastik.



Inisiatif TEEBAgriFood, dengan sokongan kerajaan Malaysia dan UNCT, meneroka manfaat ekonomi daripada pelaksanaan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dalam sektor pengeluaran sayur-sayuran. © UNEP / Anna Hellge



2.2

Inisiatif di Singapura dan Brunei Darussalam



Merlion di Singapura (atas) dan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) di Brunei Darussalam

Pejabat Penyelaras Residen (RCO) menyelaraskan pelibatan PBB dengan Singapura dan Brunei Darussalam, yang termasuk dalam mandat beberapa entiti PBB, khususnya melalui aktiviti yang berkaitan dengan susulan dan kajian SDG.

Singapura

Antara Jun hingga September 2023, PBB memudahkan proses perhubungan dan pelaporan bagi sumbangan nasional dan serantau Singapura kepada Laluan Samoa. Proses ini melibatkan penyelarasan dengan pihak berkepentingan yang relevan dan memastikan kemasukan input Singapura dalam laporan Asia Pasifik.

PBB menyokong pembangunan Kajian Kes Pecutan Negara untuk Singapura dan kemudian mengadakan webinar mengenai pendekatan negara di bawah SDG 6 - Air Bersih dan Sanitasi. Hal ini termasuk bekerjasama dan membantu memuktamadkan kajian kes yang menggariskan prestasi cemerlang negara kota tersebut dalam pengurusan air. Seterusnya, terdapat susulan dengan pasukan UN Water untuk menyampaikan laporan sintesis.

Brunei Darussalam

PBB meneruskan pelibatan dengan Brunei Darussalam dalam pembangunan Pelaporan Sukarela Kebangsaan (VNR) kedua mereka, yang dibentangkan di Forum Politik Peringkat Tinggi 2023 di Ibu Pejabat PBB di New York. VNR Brunei Darussalam menggunakan pendekatan menyeluruh masyarakat dan kerajaan, serta melaporkan usaha negara dalam memperkukuh sistem penyampaian SDG dan keupayaan utama, selaras dengan Wawasan Brunei 2035, serta menyediakan laporan lengkap tentang kemajuan dan pencapaian bagi setiap 17 SDG. PBB berperanan penting dalam menyokong pelibatan pelbagai pihak berkepentingan, terutamanya dengan memudahkan interaksi kerajaan dengan golongan muda semasa Forum Belia SDG yang diadakan di Bandar Seri Begawan pada Mei 2023.





Bab 3

Memberikan sokongan operasi dan memudahkan penyampaian bantuan di seluruh dunia

Selain melaksanakan program melalui entiti UNCT, Malaysia juga menjadi pusat bagi kemudahan serantau dan global - salah satu daripada lima pusat global Depot Tindak Balas Kemanusiaan PBB (UN Humanitarian Response Depot, UNHRD) serta pusat perkhidmatan bersama untuk UNDP dan WHO. Lebih separuh daripada kakitangan sistem PBB di Malaysia bekerja di pusat ini yang menyediakan perkhidmatan di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa.

Kemudahan sokongan global dan serantau PBB




UNHRD Malaysia memainkan peranan penting dalam operasi kecemasan di seluruh rantau ini, memudahkan penghantaran penerbangan tentera tepat pada masanya semasa tindak balas terhadap Taufan Mocha di Myanmar dan menyokong bantuan gempa bumi di Nepal melalui penerbangan sewa khas. Depot di Kuala Lumpur bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara Malaysia (NADMA) untuk memperkukuh kapasiti agensi tindak balas bencana barisan hadapan, menggalakkan Kerjasama Selatan-Selatan dan memperkasa agensi tindak balas kecemasan tempatan dengan memanfaatkan semula dan menggunakan semula barangan bantuan. Selain itu, UNHRD turut menyumbang kepada usaha serantau dengan menyokong program latihan Pusat Penyelaras Bantuan Kemanusiaan ASEAN bagi Pengurusan Bencana (AHA Centre), menghasilkan 114 pakar bertauliah yang bersedia membantu negara anggota ASEAN dalam tindak balas bencana.

Pusat Perkhidmatan Global WHO (Global Service Centre, GSC) menawarkan perkhidmatan sokongan penting kepada ibu pejabat WHO, pejabat serantau dan negara serta entiti PBB lain, termasuk UNAIDS, UNITAID dan UNICC, dan ia berkhidmat kepada lebih 150 pejabat negara. Ditubuhkan di Cyberjaya pada tahun 2008, WHO GSC berperanan penting dalam memajukan strategi global WHO yang membantu dalam pelaksanaan mandat dan programnya dengan cekap dan berkesan kos. Yang penting, kerjasama antara WHO GSC dengan kerajaan Malaysia telah diperbaharui dengan menandatangani perjanjian negara tuan rumah baharu selama 15 tahun pada 31 Januari 2023.

Pusat Perkhidmatan Bersama Global UNDP (Global Shared Service Centre, GSSC) berperanan penting dalam menyediakan sokongan menyeluruh kepada pejabat negara UNDP serta entiti PBB lain seperti WHO, WFP, UNV, UNU, UNFPA dan UN Women. UNDP-GSSC menyediakan pelbagai perkhidmatan kewangan dan Sumber Manusia secara global. Entiti ini memberikan sokongan kepada stesen tugas kecemasan di seluruh dunia dengan mengutamakan permintaan mereka melalui Perjanjian Tahap Perkhidmatan (Service Level Agreements, SLAs) yang ketat. Hal ini dapat memastikan bantuan yang cekap dan tepat pada masanya untuk operasi kritikal dalam persekitaran yang mencabar.


Transaksi



Menggerakkan sumber untuk Malaysia

Pada tahun 2023, UNCT telah menyalurkan sejumlah USD56.06 juta untuk menyokong pembangunan mampan di Malaysia. Belanjanan yang tersedia untuk pelaksanaan oleh UNCT ialah USD66.51 juta. Jumlah yang disalurkan menyumbang kepada 84% daripada sumber bajet keseluruhan UNCT. Jumlah ini berbeza pada tahun 2022 dengan penyaluran sebanyak USD49.8 juta dan bajet sebanyak USD60.8 juta, dan melibatkan kadar penyaluran sebanyak 82.1%.

Belanjanan dan Perbelanjaan yang Tersedia pada tahun 2023 mengikut Entiti PBB




Senarai angka kewangan bagi setiap entiti PBB:

Entiti PBB	Belanjanan Tersedia (USD)	Perbelanjaan (USD)	Diperlukan (USD)
ILO	3,645,004	3,645,004	2,970,862
IOM	15,292,094	15,292,094	17,268,396
ITC	950,000	950,000	950,000
RCO	1,100,000	1,100,000	1,000,000
UN-HABITAT	1,059,023	1,032,395	1,059,023
UNAIDS	94,726	94,726	94,729
UNDP	11,588,775	7,694,548	8,575,159
UNEP	5,358,145	396,100	5,124,642
UNFPA	126,440	80,040	106,440
UNHCR	12,103,924	13,057,517	13,731,328
UNICEF	6,948,683	7,550,326	6,668,073
UNIDO	2,636,540	1,467,073	2,636,540
UNODC	2,558,591	750,000	2,573,591
WHO	2,052,700	2,052,700	2,052,700
WFP-UNHRD	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Jumlah	66,514,645	56,062,523	65,911,483

4.2


Rakan Kongsi Penyumbang Teratas

Pencapaian UNCT pada tahun 2023 tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan tak ternilai daripada penderma dan rakan kongsi kami. UNCT merakamkan penghargaan tulus kepada semua rakan kongsi yang menyumbang, dengan beberapa yang teratas disenaraikan seperti di bawah. Untuk maklumat lanjut, sila layari malaysia.un.org.



Carta ini memaparkan 20 penyumbang teratas di sebelah kiri. Ia tidak termasuk beberapa rakan kongsi penyumbang dan agensi disebabkan oleh had visualisasi data. Untuk maklumat lanjut, sila muat turun pelan kerja bersama pasukan PBB dari <https://uninfo.org/data-explorer/cooperation-framework>

Penderma Dua Hala



4.3

Rakan Kongsi Pelaksana

UNCT menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan atas peluang untuk bekerjasama dengan pelbagai rakan kongsi pelaksana pada tahun 2023. Senarai di bawah menunjukkan rakan kongsi kami, termasuk Kementerian kerajaan, kerajaan negeri, masyarakat sivil dan organisasi bukan untung.

Pusat Kewartawanan Bebas
Jurulatih Merentasi Benua
Jabatan Pertanian
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kedutaan Kerajaan Belanda
Yayasan Keadilan Alam Sekitar
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Yayasan Guetanyoe
Hospital Universiti Putra Malaysia
Hospital Universiti Sains Malaysia
HOST Antarabangsa
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
Gabungan Penahanan Antarabangsa
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Persatuan Perubatan Islam Malaysia
Gerakan Make It Right
Yayasan SDG Malaysia
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
Perjanjian Global PBB Malaysia
Penyelidikan Pertanian Malaysia
Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
Institut Penyelidikan Sosial Malaysia
Médicins Sans Frontières (Doktor Tanpa Sempadan)
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia
Kementerian Ekonomi Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kementerian Kewangan Malaysia
Kementerian Luar Negeri Malaysia
Kementerian Luar Negeri Singapura
Kementerian Kesihatan Malaysia
Kementerian Dalam Negeri Malaysia

Kementerian Sumber Manusia Malaysia
Kementerian Perladangan dan Komoditi Malaysia
Kementerian Sains dan Teknologi Malaysia
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia
Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita
Agensi Pengurusan Bencana Negara
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak
Pertubuhan Kebajikan Cahaya Surya Bakti Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Reef Check Malaysia
Responsible Business Alliance (Pakatan Perniagaan Bertanggungjawab)
Polis Diraja Malaysia
Kerajaan Negeri Sarawak
Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan
Sekretariat Pendekatan Strategik kepada Pengurusan Bahan Kimia Antarabangsa
Universiti Kebangsaan Malaysia
Universiti Malaya
Universiti Malaysia Sabah
Universiti Malaysia Sarawak
Universiti Teknologi Malaysia
Universiti Teknologi Mara
Women's Aid Organization (Pertubuhan Pertolongan Wanita)

4.4

Menjajarkan Sumber ke arah SDG

UNCT berusaha memastikan semua program menyumbang kepada SDG. Peta pokok di bawah menggambarkan peruntukan sumber selaras dengan SDG untuk tahun 2023.



Angka ini tidak termasuk tambahan \$4.3 juta daripada sumber program yang tersedia yang masih belum dikaitkan dengan SDG tertentu di UNINFO.

4.5

Meningkatkan Kemajuan SDG dan Menjangkau yang Paling Tertinggal melalui Dana Amanah SDG Malaysia-PBB




Pada tahun 2021, dengan kerjasama Kerajaan Malaysia, UNCT menubuhkan Dana Amanah SDG Malaysia-PBB untuk menyokong pencapaian SDG bagi kumpulan dan komuniti yang berisiko ketinggalan dan sering di luar peruntukan orang awam biasa. Panggilan pertama untuk cadangan yang kompetitif dan anugerah pertama telah dibuat pada tahun 2023 untuk projek yang diketuai oleh CSO dan entiti PBB. Dana ini dikendalikan oleh pasukan yang dihoskan oleh RCO dan menawarkan saluran pembiayaan baharu.

Tiga program bersama yang diketuai oleh enam entiti PBB telah berjaya. Program ini memfokus pada peningkatan perkhidmatan kesihatan untuk pelarian, pengurusan air sisa, pengurusan nutrien, perkhidmatan sanitasi di Sabah, dan akses untuk golongan kurang upaya ke pasaran kerja. Pelaksanaannya akan bermula pada tahun 2024 dan berlangsung sehingga 2025. Tiga program bersama ini dan 11 projek yang diketuai oleh CSO dipilih daripada 233 tawaran. Jumlah keseluruhan sebanyak USD 3.6 juta dijangka akan disalurkan untuk pelaksanaannya.

Keutamaan UNCT pada 2024



**Enam Peralihan:
Laluan Pelaburan untuk Menyampaikan SDG**



Usaha UNCT pada tahun akan datang akan terus dipandu oleh empat bidang hasil strategik - Manusia, Planet, Kemakmuran dan Keamanan - dalam CF 2021-2025. Pada tahun 2024, ketika Malaysia semakin menghampiri 2030, keperluan untuk mempercepat kemajuan ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), seperti yang diamanatkan oleh Deklarasi Politik semasa Sidang Kemuncak SDG pada September 2023, akan memacu agenda UNCT. Pendekatan ini akan dibentuk oleh enam peralihan penting yang diakui berpotensi untuk memangkin dan memperluas impak di seluruh SDG. Peralihan ini merangkumi: (1) sistem makanan, (2) akses dan kemampuan tenaga, (3) kesambungan digital, (4) pendidikan, (5) pekerjaan dan perlindungan sosial, dan (6) perubahan iklim, kehilangan biokepelbagaian dan pencemaran.

Peralihan utama ini berpotensi memberikan kesan pemangkin dan pengganda di seluruh SDG. Di peringkat negara, usaha diperlukan untuk merancang pendekatan bersepadu dan laluan pelaburan yang sesuai dengan konteks nasional dan bertindak balas terhadap pemulihan pasca-COVID-19 yang tidak seimbang dan tidak lengkap, kemunculan ketegangan geopolitik dan ancaman berterusan daripada perubahan iklim dan kehilangan biokepelbagaian.

Di Malaysia, UNCT akan berusaha untuk memudahkan tindak balas tersebut, memandangkan tahun 2024 menandakan tahun kedua terakhir Rangka Kerja Kerjasama semasa dan permulaan persiapan untuk kitaran CF seterusnya. Kitaran ini diselaraskan dengan rejim perancangan pembangunan nasional dan penyusunan Rancangan Malaysia ke-13. Tahun 2024 juga akan menjadi tahun Malaysia menjalani Penilaian Berkala Sejagat keempat tentang hak asasi manusia (UPR) dan Semakan Semula Kerajaan Malaysia oleh Jawatankuasa CEDAW. Lebih-lebih lagi, penting bagi Malaysia untuk mempersiapkan diri sebelum mengambil alih jawatan pengerusi ASEAN pada tahun 2025 dan melakukan usaha persiapannya untuk Sidang Kemuncak Masa Depan pada September 2024.

Di samping usaha bersama ini, entiti PBB yang beroperasi di Malaysia telah mengenal pasti keutamaan program dan advokasi mereka untuk tahun 2024 seperti yang berikut:

• **Pengukuhan penjagaan kesihatan:** UNCT akan menyokong Kerajaan dalam meningkatkan kualiti dan kecekapan penyediaan penjagaan kesihatan awam melalui pendekatan berpusatkan manusia, termasuk pengurusan risiko kesihatan dan keadaan kronik yang lebih baik. Ketaksaksamaan yang berkaitan dengan kesihatan dan hak seksual dan reproduktif akan menjadi fokus khusus, di samping usaha menyokong kesiapsiagaan dan kapasiti tindak balas terhadap krisis kesihatan.

• **Tidak meninggalkan sesiapa:** UNCT akan terus menangani halangan dan cabaran yang dihadapi oleh migran, pelarian dan pencari suaka, khususnya berkaitan dengan akses kepada perkhidmatan asas. Hal ini akan merangkumi advokasi tentang pilihan dasar untuk pengiktirafan undang-undang dan menyokong penubuhan kemudahan kesihatan dan pendidikan teras. Aspek perhatian khusus adalah populasi besar tanpa dokumen di Sabah, dan UNCT akan bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri untuk membolehkan pelaksanaan penyelesaian yang disesuaikan dan berperingkat. Sebagai sebahagian daripada usaha regionalisasi, UNCT akan menyokong amalan migrasi buruh yang lebih baik, khususnya untuk mengurangkan kerentanan yang dihadapi oleh wanita.

• **Kesejahteraan kanak-kanak:** Aspek ini menjadi keutamaan tinggi di seluruh Malaysia, dengan tumpuan khusus pada kanak-kanak yang tinggal di Sabah dan Sarawak. Usaha ini termasuk menangani buruh kanak-kanak, meningkatkan perlindungan sosial, mengurangkan kemiskinan kanak-kanak di bandar, meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan untuk kanak-kanak di ladang, serta advokasi yang lebih luas untuk hak kanak-kanak.

• **Pemeliharaan alam sekitar:** Keutamaan UNCT merangkumi mitigasi perubahan iklim, usaha adaptasi dan menangani kehilangan biokepelbagaian. Intervensi khusus termasuk mengadakan perhimpunan alam sekitar dan rundingan antara kerajaan tentang pencemaran plastik, melaksanakan projek yang menangani perdagangan sisa dan mempromosikan ekonomi kitaran, menyokong Rang Undang-Undang Iklim dan penyemakan Sumbangan Nasional yang Ditentukan (Nationally Determined Contributions, NDC) Malaysia dalam pelepasan karbon, serta langkah-langkah ekonomi peralihan hijau dan pembiayaan iklim.

• **Masyarakat aman dan perpaduan sosial:** UNCT akan menggandakan usaha sedia ada untuk menyokong perjuangan membenters rasuah dan pengukuhan institusi, pewujudan keamanan dalam kalangan masyarakat dan menyokong pelaksanaan hak asasi manusia.

Akronim

12MP	Rancangan Malaysia Kedua Belas
CFSMP	Pelan Induk Central Forest Spine
DELIMa	Inisiatif Pembelajaran Pendidikan Digital Malaysia
DFA	Penilaian Kewangan Pembangunan
IMM	Pengukuran dan Pengurusan Impak
INFF	Rangka Kerja Pembiayaan Nasional Bersepadu
IOM	Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi
ITC	Pusat Perdagangan Antarabangsa
KM ²	Kilometer persegi
MOE	Kementerian Pendidikan Malaysia
NPOP	Dasar Warga Emas Negara
NQP	Dasar Kualiti Kebangsaan
OHCHR	Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia
PEKERTI	Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Seksual dan Reproduksi
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik
UN	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, PBB
UN RCO	Pejabat Penyelaras Residen PBB
CF	Rangka Kerjasama Pembangunan Mampan PBB
UN-Habitat	Program Penempatan Manusia PBB
UNCDF	Tabung Pembangunan Modal PBB
UNCT	Pasukan Negara PBB
UNDP	Program Pembangunan PBB
UNEP	Program Alam Sekitar PBB
UNFPA	Tabung Kependudukan PBB
UNHCR	Suruhanjaya Tinggi PBB bagi Pelarian
UNICEF	Tabung Kanak-Kanak PBB
UNIDO	Pertubuhan Pembangunan Industri PBB
UNODC	Pejabat PBB bagi Dadah dan Jenayah
VNR	Pelaporan Sukarela Kebangsaan
WAO	Pertubuhan Pertolongan Wanita
WFP	Program Makanan Sedunia
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia

Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Aras 10, Menara PjH,
2, Jalan Tun Razak, Presint 2,
62100 Putrajaya, Malaysia
Tel.: +(603) 8689 6000
Faks: +(603) 8881 0458

malaysia.un.org

 UnitedNationsMalaysia |  UNinMalaysia |  unitednationsmy

 United Nations in Malaysia |  UN in Malaysia, Singapore & Brunei Darussalam